

03/05/2002

Ahli Parlimen Baling nafi dakwaan Zainuddin

ALOR STAR, Khamis - Ahli Parlimen Baling, Taib Azzamuddeen Mohd Taib (gambar) menafikan dakwaan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin bahawa beliau menyimpan rahsia besar.

Sebaliknya, beliau mendakwa, kenyataan Zainuddin itu dianggapnya bertujuan bukan setakat memburukkan dirinya, malah Pas secara keseluruhannya.

Selain itu, Taib berkata, beliau tidak perlu memberikan kenyataan berhubung rahsia besar itu kerana "tidak mahu berkelahi".

Sehubungan itu, beliau mencabar Zainuddin supaya mendedahkan sendiri rahsia besar itu kerana jika Zainuddin mengetahui beliau mempunyai rahsia itu, adalah lebih baik ia didedahkan sendiri oleh setiausaha parlimen berkenaan.

Beliau berkata demikian ketika berceramah di Madrasah Taklimiah, Kampung Tok Keling, Jalan Alor Mengkudu, dekat sini malam tadi.

Sabtu lalu, akhbar melaporkan Zainuddin meminta Taib Azzamuddeen mendedahkan rahsia besar yang disimpannya sejak beberapa tahun lalu kerana ia boleh menyelamatkan orang Melayu daripada terus berpecah-belah.

Zainuddin dilaporkan berkata, pendedahan itu harus dilakukan supaya Pas tidak terus memfitnah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zainuddin berkata, Pas tahu mengenai rahsia itu tetapi sengaja mendiamkannya demi kepentingan politik mereka.

Sementara itu, Taib Azzamuddeen yang ditemui Berita Harian selepas ceramah itu, enggan mengulas apabila ditanya mengenai rahsia berkenaan.

Beliau berkata, jika beliau memberikan kenyataan, akhbar akan memanipulasinya untuk membolehkan pemimpin Umno mengecamnya.

(END)